



## **NG XINYING**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau yang mula berkecimpung dalam bidang Seni Tarian Balet sejak berumur 4 tahun di *JB Ballet Academy* merupakan Graduan Tari Terbaik di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA bagi Diploma Seni Tari dan Ijazah Sarjana Muda Tari dengan Kepujian (Persembahan) dengan memperoleh Kelas Pertama.

Beliau telah menamatkan pengajian *Master of Fine Arts* dalam *Dance Performance* di *Korea National University of Arts* dengan biasiswa penuh yang ditawarkan oleh kerajaan Korea Selatan.

Menurut beliau, ASWARA merupakan tempat di mana beliau telah menerima latihan dan latar belakang dalam tarian kontemporari, tarian klasik, tarian rakyat Melayu, tarian rakyat Cina, tarian etnik, dan Tarian Klasik India Bharatanatyam. Pada tahun 2013, beliau telah membuat persembahan Arangetram iaitu sebuah debut Tarian Klasik India Bharatanatyam di bawah bimbingan Shankar Kandasamy dan guru-guru di *Temple of Fine Arts Kuala Lumpur*.

### **PENCAPAIAN**

Beliau pernah bekerja sebagai Penari di *Batu Dance Theatre* dan *ASK Dance Company*. Pada tahun 2017, beliau menjadi Penari Professional sepenuh masa di *Inner Dance Company* di bawah arahan Pengarah Artistik, Umesh Shetty di mana persembahan yang dilakukan telah memenangi Anugerah *Best Lighting Design*,

*Best Costume Design, Best Music, Best Group Performance dan Best of 2017 di BOH Cameronian Arts Awards.*

Diperingkat antarabangsa pula, beliau telah memenangi tempat pertama dalam *Talent Competition (Dance)* di *Hankuk University of Foreign Studies* pada tahun 2014 di Korea Selatan dan tempat kedua dalam *Seoul International Dance Competition* pada tahun 2015 dan 2016 di Korea Selatan. Di dalam negara pula, beliau telah menerima anugerah *Best Female Dancer* dalam *Short+Sweet Dance Festival* pada tahun 2010. Ketika *Festival One Asia in Dance 2015* di Korea Selatan, beliau telah dianugerahkan Pengarah Artistik mewakili kumpulan dari Malaysia untuk mengendalikan persembahan.

Beliau yang mempunyai pengalaman bekerjasama dengan koreografer dan syarikat-syarikat tarian terkenal seperti dari India, Netherlands, Itali, Jepun, Jerman, Korea Selatan, Taiwan dan banyak lagi.

Beliau turut membuat persembahan di peringkat antarabangsa seperti *32<sup>nd</sup> Korean Dance Festival* pada tahun 2018 di Korea, *Swami Sivananda Festival of Music* pada tahun 2018 di India, *Udayshankar Festival* pada tahun 2017 di India, *Asean Fair* pada tahun 2016, *K-Arts Platform Festival* pada tahun 2016, *Solo & Duet Dance Performance* pada tahun 2016, *1<sup>st</sup> World Ethnic Dance Festival* pada tahun 2016, *Choreolab* pada tahun 2016, *16<sup>th</sup> ASEAN Lecture Series* pada tahun 2016, *K-Arts 20<sup>th</sup> Years Anniversary* pada tahun 2015, *One Asia in Dance* pada tahun 2015, *15<sup>th</sup> Anniversary Performance of the World Ethnic Institute* pada tahun 2014, *Story Telling Asia Festival* pada tahun 2014 di Korea, *No Ballet* pada tahun 2012 dan 2011 di German, *Contact Festival* pada tahun 2012 di Singapore, *Dance Xchange* pada tahun 2012 dan 2009 di Philippines, *Singapore Arts Festival* pada tahun 2011 di Singapore, *Dance Teens Festival* pada tahun 2011 di Hong Kong, *Dains Festival* pada tahun 2011 di Singapore dan *Faces of 1 Malaysia* pada tahun 2010 di Washington D.C.